

U B810 BAH
MAHATHIR - ISLAM 2'2'2'

KUALA TERENGGANU, 10 APRIL (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YAKIN RAKYAT TIDAK AKAN MEMILIH ORANG-ORANG YANG MENGGUNAKAN ISLAM UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MEREKA, DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

MENURUTNYA, PILIHAN RAYA KECIL PANTAI MERDEKA DI KEDAH, BARU-BARU INI JELAS MENAMPACKAN KEPADA RAKYAT BAGAIMANA ORANG-ORANG BERKENAAN SANGGUP MENGETEPIKAN PRINSIP PERJUANGAN YANG KONONNYA BERASASKAN ISLAM SEMATA-MATA UNTUK MEMANCING UNDI.

+DALAM PERJUANGAN ORANG-ORANG BERKENAAN, SOAL PRINSIP ADALAH SATU SOAL YANG GAMPANG DAN BOLEH DIKETEPIKAN BILA DIFIKIRKAN PERLU,+ UJAR BELIAU KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERTEMUAN TERTUTUP SELAMA LEBIH SEJAM DENGAN ANGGOTA JAWATANKUASA PERGERAKAN PEMUDA UMNO PERHUBUNGAN NEGERI TERENGGANU DI WISMA DARUL IMAN, DI SINI, PETANG TADI.

PERDANA MENTERI TURUT BERBUKA PUASA DENGAN MEREKA BERSAMA PARA PEMIMPIN UMNO NEGERI. YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOR DAN MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERANA KEPENTINGAN POLITIKNYA, PARA PEMIMPIN PAS SANGGUP MENAIKI PENTAS CERAMAH DAP UNTUK TURUT BERSAMA-SAMA BERKEMPEN PADA PILIHAN RAYA KECIL PANTAI MERDEKA. -- LAGI.

2105MST 10 04 90

U B811 BAH
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI BERKATA, TINDAK-TANDUK PEMIMPIN PAS ITU JELAS MENUNJUKKAN KEPURA-PURAAAN PERJUANGAN MEREKA KERANA SELAMA INI PAS MENJAJA KE SANA KE MARI KONONNYA PARTI ITU TIDAK AKAN DAPAT BEKERJASAMA DENGAN DAP YANG BERJUANG UNTUK MENEGAKKAN SEBUAH NEGARA SEKULAR SEDANGKAN MEREKA (PEMIMPIN PAS) BERJUANG UNTUK MENEGAKKAN SEBUAH NEGARA ISLAM.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN SEJAUH MANA KERJASAMA ANTARA PAS DENGAN SEMANGAT 46 DAN DAP AKAN MENGUNTUNGAN PERJUANGAN UMNO.

+SAMA-SAMALAH KITA TUNGGU PENENTUAN DARIPADA RAKYAT DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG,+ UJAR BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA SEPerti NEGARA ISLAM LAIN, MALAYSIA JUGA MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH SETAKAT MANA YANG TERMAMPU.

+SEPerti NEGARA-NEGARA ISLAM YANG LAIN, KITA TERPAKSA MENGAMBIL KIRA KEADAAN SIASAH DI DALAM NEGARA KETIKA MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH ITU,+ KATANYA Sambil MENAMBAH PERLAKSANAAN YANG SEJAJAR DENGAN KEADAAN ITU TIDAK BERcANGGAH DENGAN ISLAM SENDIRI.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN ANGGOTA JAWATANKUASA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, BELIAU BERKATA, IA BERTUJUAN UNTUK MEMBOLEHKANNYA SELAKU PRESIDEN PARTI MENJELASKAN PERJUANGAN PARTI -- LAGI.

2107MST 10 04 90

U B812 BAH
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA TERENGGANU

KATANYA, PENJELASAN ITU ADALAH PENTING AGAR ANGGOTA PERGERAKAN ITU BENAR-BENAR MEMAHAMI PERJUANGAN PARTI SEBELUM MENGATUR LANGKAH BERSIAP SEDIA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN AYA UMUM AKAN DATANG.

PERTEMUAN ITU, ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH MAJLIS KERJA TERTINGGI PARTI DAN NEGERI TERENGGANU ADALAH NEGERI PERTAMA YANG DILAWATINYA BAGI MELAKSANAKAN KEPUTUSAN ITU, KATANYA. ESOK BELIAU AKAN MENGADAKAN PERTEMUAN SERUPA DENGAN JAWATANKUASA PERGERAKAN PEMUDA UMNO KELANTAN.

PERDANA MENTERI, BAGAIMANAPUN MENJELASKAN PERTEMUAN ITU BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENGENAL PASTI TAHAP PERSEDIAAN PARTI DI PERINGKAT NEGERI UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA BERKENAAN.

+KITA MEMPUNYAI PROGRAM BERASINGAN UNTUK ITU DAN KITA AKAN BERTINDAK KE ARAH ITU APABILA TIBA MASANYA KELAK,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH TENTANG MASALAH PENDATANG HARAM VIETNAM YANG MASIH RAMAI DITEMPATKAN SEMENTARA DI PULAU BIDONG.

MENURUTNYA, KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENGOSONGKAN PULAU ITU DARIPADA PENDATANG HARAM BERKENAAN.

KATANYA, BAGAIMANAPUN, UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU, KERAJAAN HARUS JUGA MEMIKIRKAN ASPEK KEMANUSIAAN DAN MENGAMBIL KIRA PERHATIAN SERTA TUMPUAN MASYARAKAT ANTARABANGSA. -- BERNAMA.

2110MST 10 04 90